



بوليتين  
الواسيله™ جباتن حال احوال او كام اسلام كلتن

# AL Buletin AL Wasilah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan

Bil 2 | 2006



## MENARIK DI DALAM

- 06 Kelantan Johan Tiga Kategori
- 07 Majlis Tilawah Al-Quran
- 08 Festival Nasyid Peringkat Negeri Kelantan
- 14 Kursus Pra Perkahwinan Orang Asli
- 15 Forum Hijratul Rasul Kuala Krai
- 17 Dialog Imam Al-Ghazali
- 18 Poligami Sunnah Atau Nafsu

Kembali Kepada Al-Quran :  
**Titah Sultan** 05



# KANDUNGAN

## Al-Wasilah

### B I L 2 / 2 0 0 6

Fikrah Editor	02
Perutusan Dato' Pengarah	03
Tokoh Hijratul Rasul 1427H	04
Kembali Kepada Al-Quran :Titah Sultan	05
Kelantan Johan Tiga Kategori	06
Majlis Tilawah Al-Quran	07
Festival Nasyid	08
Berita Bergambar Hijratul Rasul	09
Berita Bergambar Majlis Menghafaz Al-Quran	10
Berita Bergambar Festival Nasyid	11
Berita Bergambar Majlis Tilawah Al-Quran	12
Tokoh Islam : Al Buzjani	13
Kursus Pra Perkahwinan Orang Asli	14
Forum Hijratul Rasul Kuala Krai	15
Tudung Masa Kini	16
Galakan Berjabat Tangan	16
Dialog Imam Al-Ghazali	17
Majlis Menghafaz Al-Quran	17
Poligami Sunnah Atau Nafsu	18
Selamat Menempuh Alam Persaraan	19
Pertukaran Pegawai	20

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Dato' Haji Ismail b. Latiff  
Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan

### PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Mahmood Sabri Bin Haji Che Lah  
KPP Pengurusan

YBrs. Tuan Rafiai Bin Omar  
KPP Pentadbiran Undang-Undang Keluarga

YBrs. Mohd Salleh Bin Mat Jusoh  
KPP Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah

YBrs. Encik Ahmed Bin Mukhter  
PP Pentadbiran

### KETUA PENGARANG

YBrs Mohd Ghazali Bin Md. Lazim  
KPP Penyelidikan dan Penerbitan

### EDITOR

YBrs Encik Hasnan Bin Ramli

### PENYELARAS PENERBITAN

YBrs Encik Nik Mohamad Zawawi Bin Ibrahim

### SIDANG PENGARANG

YBrs. Tuan Haji Saibon Bin Ismail  
YBrs. Encik Tuan Anuwa Bin Tuan Mat  
YBrs. Encik Mohd Fadzuli Bin Mohd Zain  
YBrs. Encik Mohd Ibrisa Bin Jalaludin  
YBrs. Encik Mahzani Bin Muhammad  
YBrs. Encik Mohd Anzan Bin Hamat  
YBrs. Puan Mahiran Binti Mohd Noor  
YBrs. Puan Rohani Binti Mohd Noor  
YBrs. Puan Arnizam Binti Abdullah  
YBrs. Puan Norlailawati Binti Mamat

### GRAFIK

Encik Roshdi Amin Bin Shaary  
Nik Muhammad Bin Nik Abdul Kadir

### JURU FOTO

YM. Tengku Mohd Zulkifli Bin Tengku Ibrahim

### PENGEDAR

Encik Ayub Bin Musa  
Puan Rosniza Binti Yusoff

## FIKRAH EDITOR

# Bencana Alam : Musibah Atau Azab

Sebagai seorang muslim, kita seharusnya menyedari bahawa segala musibah seperti gempa bumi, banjir, tsunami, ribut taufan, kemarau tanah runtuh dan sebagainya, memang merupakan peristiwa alam 'biasa' yang sering melanda umat manusia. Musibah seumpama ini sebahagiannya merupakan suatu fenomena alam yang telah menjadi qadhâ' (ketentuan) Allah, yang menunjukkan bahawa Allah s.w.t. Maha Kuasa. Allah s.w.t. berfirman:

"Tiada suatu bencana pun yang menimpa di bumi dan tidak pula pada diri kalian sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab (Lauh Mahfuzh) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah s.w.t." (Surah al-Hadid [57] : 22)

Musibah seperti ini bukanlah azab (hukuman) dari Allah s.w.t. ke atas manusia. Berbanding umat-umat terdahulu seperti umat Nabi Nuh, Nabi Luth, azab Allah s.w.t. bagi umat akhir zaman (umat Nabi Muhammad saw) akan diterima diakhirat kelak bagi semua manusia yang melakukan kemaksiatan dan kemungkaran kepada-Nya.

Akan tetapi, boleh jadi, musibah seumpama ini merupakan 'ujian' dari Allah s.w.t. untuk menguji tahap kesabaran dan sejauh mana tahap ketakwaan manusia

Sementara itu, sebahagian musibah lainnya adalah akibat tangan-tangan manusia yang senantiasa gemar melakukan kerosakan di muka bumi ini. Musibah seumpama ini lebih merupakan 'peringatan' bagi umat manusia baik yang mukmin mahupun yang kafir yang selama ini melanggar perintah Allah s.w.t. agar mereka kembali ke jalan-Nya. Allah s.w.t. berfirman: "*Telah nampak kerosakan di darat dan dilaut akibat perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)*" (Surah ar-Rum [30]: 41)

Menurut Imam Jalalain dan Imam Ibnu Katsir dalam menafsirkan *bimâ kasabat aydinnâs* (akibat perbuatan tangan manusia...) adalah perbuatan-perbuatan maksiat/kerosakan. Ertinya, pelbagai kerosakan di darat dan di laut yang menimpa manusia adalah akibat kemaksiatan/kerosakan yang dilakukan oleh manusia sendiri. Di samping itu, musibah juga boleh terjadi dalam bentuk kesempitan hidup yang sejak akhir-akhir ini dialami oleh umat manusia, khususnya kaum Muslimin. 'Musibah' seumpama ini lebih merupakan 'teguran' sekaligus 'ancaman' ketika manusia yang berpaling dari peringatan-Nya.

Seluruh 'musibah' di atas sepatutnya menginsafkan dan menyedarkan kita, bahawa telah tiba saatnya untuk kita bertaubat kepada Allah s.w.t. Sebab, sebahagian besar musibah yang menimpa kita adalah akibat kurangnya kita mentaati Allah s.w.t. dan bahkan mencampakkan syariat-Nya. Ini kerana kemaksiatan terbesar yang kita lakukan adalah kita telah berpaling dari peringatan Allah s.w.t., yakni dengan mencampakkan syariat-Nya, maka taubat kita yang terbesar lagi sejati adalah kita kembali kepada syariat-Nya secara menyeluruh. Iaitu menjadikan Islam sebagai sistem yang mengatur hidup kita secara menyeluruh (bermasyarakat dan bernegara)

EDITOR

## PERUTUSAN PENGARAH



Alhamdulillah, dikesempatan ruang yang ada ini saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa syukur saya kepada Pencipta Yang Maha Agung kerana dengan taufik dan hidayatnya sekali lagi buletin Al-Wasilah sebagai agen informasi JAHEAIK dapat diterbitkan untuk kali kedua bagi tahun 2006 ini.

Usaha bagi menerbitkan majalah Al-Wasilah ini adalah usaha yang berterusan bagi menyampaikan maklumat dan ilmu kepada massa di samping menjadikan JAHEAIK sebagai agensi agama yang berwibawa dan bertenaga dalam membawa misi dan visinya agar dihormati oleh masyarakat dalam negeri Kelantan khususnya dan seluruh Malaysia amnya.

Saya menaruh keyakinan yang tinggi bahawa Al-Wasilah bilangan 2 bagi tahun 2006 ini dapat memberi impak yang begitu besar kepada pembaca lantaran penambahbaikan isi kandungannya yang lebih berinformasi dan sarat dengan mutiara ilmu.

Dalam ruangan yang terhad ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerabat kerja majalah Al-Wasilah walaupun dihipit dengan keterbatasan waktu dan terikat dengan tanggungjawab masing-masing, tetapi masih lagi boleh menyumbang tenaga dan buah fikiran bagi membantu pihak penerbitan mengeluarkan majalah Al-Wasilah. Kesungguhan dan komitmen inilah yang saya harapkan dari semua warga kerja JAHEAIK dalam setiap program yang dianjurkan oleh jabatan ini demi memartabatkan imej agensi agama di mata masyarakat.

Buat akhirnya, adalah diharapkan penerbitan majalah Al-Wasilah ini akan dapat membuka ruang kerjasama yang erat dan mantap di kalangan warga kerja JAHEAIK dan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh sidang pembaca sekalian. Semoga Allah memberi ganjaran yang setimpal untuk kita semua.

Sekian, wassalam.

Salam hormat dari,

(DATO' HAJI ISMAIL B. LATIFF)

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan

## Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Tokoh Hijratul Rasul 1427H

### AL FADHIL AL-USTAZ YAHYA BIN SEMAN @ HAJI OTHMAN

telah dilahirkan pada tahun 1939 di kampung Labok, Dewan Besar, Machang. Beliau merupakan anak ketiga dalam 10 orang adik-beradik. Pada tahun 1950, ketika umur beliau baru 11 tahun, beliau dihantar oleh bapanya ke Mekah untuk belajar di Madrasah Al-Diniah Darul Ulum, Mekah, Bagi meneruskan pengajian di peringkat menengah. Di samping itu, beliau belajar agama dengan menadiah kitab di Masjidil Haram Mekah, dari beberapa tokoh ulama terkenal, antaranya Sheikh Hasan Masyat, Sheikh Abdul Kadir AL Mendili serta Syeikh Mohd al Maliki, anak murid kepada Syeikh Mohd Yasin al-Fadai dalam bidang hadith dan ilmu Mustalahul Hadith.

Dalam tahun 1959, beliau menyambung pelajaran ke Syria, kemudian ke Baghdad di Iraq dan Kaherah, Mesir. Pada tahun 1960, beliau seterusnya menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir dalam Kuliyyah Syariah Wal Qanun.

Pada tahun 1966-1967 beliau telah menyambung pelajaran di Fakulti yang sama dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana dalam jurusan Siasah As-Syari'ah. Setelah menamatkan pengajian di peringkat sarjana, beliau telah kembali ke tanah air dan bertugas sebagai pensyarah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Nilam Puri, Kelantan. Beliau pernah menjawat jawatan Pemangku Dekan dan Pemangku Naib Yang Dipertua Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Nilam Puri.

Di samping itu juga beliau pernah menjadi penghubung kepada kerjasama (Mu'adalah) antara Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan dengan Universiti Al-Azhar, sehingga Universiti Al-Azhar memberi pengiktirafan Ijazah Pengajian daripada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan bahkan pelajar-pelajar yang berjaya di Tahun Satu daripada Yayasan Tinggi Islam Kelantan dalam Fakulti Syariah dan Usuluddin, boleh memasuki ke Tahun Dua di Universiti Al-Azhar.

Beliau pernah dilantik menjadi mushrif untuk mengemaskini pendidikan dan kurikulum bagi penubuhan Maahad Dakwah Wal Imamah. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Di samping itu juga beliau pernah dilantik menganggotai agensi kerajaan dan swasta diantaranya :

- 1 - Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah Hotel Perdana
- 2 - Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Awam Kelantan
- 3 - Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Selain daripada itu beliau juga pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Banggol Judah, Machang dan telah diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah selama dua penggal.

Dengan pengalaman yang luas dan ilmu yang beliau perolehi daripada ulama-ulama terkenal, beliau telah menulis beberapa buah buku dalam bahasa Arab sebagai sumbangan kepada masyarakat Islam seluruhnya, di antara buku tersebut ialah :

- 1 - Nizamul Hukmu Fil Islam
- 2 - Al-Maliah Al'Aamah
- 3 - Al-Muamalat Al-Hadithah

Beliau juga menulis berpuh-puluh kertas kerja dalam bahasa Arab dan Melayu yang berkaitan dengan tarbiah harakiah untuk dibentangkan di seminar-seminar tempatan dan antarabangsa.

Beliau mempunyai seorang isteri iaitu Puan Habsah binti Haji Hussein Rahimi, anak kepada seorang ulama terkenal di Bunut Payung, dan dikurniakan empat orang puteri yang mana puteri-puteri beliau berjaya menjejakkan kaki ke menara gading :

- 1 - Che Salwa - B.Sc Pergigian daripada Universiti Malaya dan membuka Klinik Pegigian Salwa dan Zuraida di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.
- 2 - Najwa - B.A. (Hons) Usuluddin Universiti Malaya dan sekarang bertugas sebagai Pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Cyberjaya.
- 3 - Surayya - B.A. (Hons) dalam bidang Fiqh dan Usul, Universiti Jordan dan sekarang bertugas sebagai Pensyarah di KIAS.
- 4 - Nidana - Pelajar tahun akhir TESL di UiTM, Shah Alam. **TM**

# Majlis Pertandingan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 2006

SEMASA

Nik Ahmad Hilmi Nik Mohd Zaid, 18 muncul sebagai johan Pertandingan Menghafaz Al-Quran bagi tahap 30 juzuk Peringkat Negeri Kelantan 1427H/2006 yang diadakan di Balai Islam selama empat hari, empat malam iaitu bermula pada 23 hingga 26 Mac 2006. Ia dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Dengan kemenangan itu, pelajar dari Al-Imam International Institut mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM5000, sijil penyertaan dan tiket mengerjakan umrah.

Nik Ahmad Hilmi juga akan mewakili negeri ini pada Pertandingan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Perak pada April depan.

Ahmad Zulkifli Mamat dari Maahad Tahfiz Al-Hidayah Rantau Panjang pula muncul johan bagi tahap kedua hafazan 15 juzuk. Manakala Nur Munirah Mohd Nor dari Maahad Muhammadiyah Perempuan johan bagi kategori hafizah.

Munirah adalah johan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2005 bagi tahap satu (1 hingga 5 juzuk). Dengan kemenangan itu mereka memperolehi hadiah wang tunai RM3000 dan sijil penyertaan.

Rochmatul Kubra Abdul Bashari dari Madrasah Tahfiz Darul Riyadh, Rantau Panjang dan Nik Nur Zulaikha Nik Zulkifli dari Maahad Muhammadiyah Perempuan pula masing-masing johan bagi tahap pertama (1 hingga 5 juzuk) bagi kategori hafiz dan hafizah.

Kedua-dua mereka berjaya membawa pulang wang tunai RM2500 dan sijil penyertaan. Manakala tempat kedua bagi kategori hafiz 1 hingga 30 juzuk dimenangi Abdul Malik Mohamad dari Pusat Pengajian Pondok, Bachok dan tempat ketiga, Muhammad Issyam Itam @ Ismail dari Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat.

Naib johan tahap kedua bagi kategori hafiz ialah Muhammad Muhaimi Abdul Aziz, manakala kategori hafizah bagi tahap yang sama ialah Asma' Fauzi.

Tempat ketiga bagi kategori hafiz dan hafizah bagi tahap satu ialah Mohd Azizu Salleh, Nur Ainina Abdul Khalid, tahap kedua Mohd Rashidi Ali (hafiz), Hasanah Muhamad (hafizah).

Kesemua hadiah, sijil penghargaan disampaikan oleh Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah, Ustaz Hassan Mohamood, anggota-anggota Exco, wakil-wakil rakyat dan pegawai kerajaan.

## Kembali Kepada Al-Quran Untuk Mengembalikan Kegemilangan Islam : Titah Sultan Kelantan

Sultan Kelantan mengesa umat Islam menjadikan al-Quran sebagai pedoman dan panduan hidup sekiranya ingin menjadi umat yang disegani serta dihormati.

Titah baginda, umat Islam sekarang masih berhadapan dengan banyak masalah termasuk kerapuhan iman, kurang pegangan agama, kebejatan sosial, tiada kekuatan ekonomi, kelemahan berfikir dan kurang cemerlang dalam bidang pendidikan dan penguasaan teknologi.

"Umat Islam kini akan dapat menebus kembali kegemilangan yang pernah dikecapi di zaman lampau sekiranya mereka kembali menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Umat Islam terdahulu begitu serius terhadap ilmu sehingga menjadikan mereka cemerlang dan maju.

"Ini dapat dibuktikan melalui catatan sejarah dengan munculnya ramai tokoh ilmunan yang menguasai dan menerajui pelbagai bidang ilmu pengetahuan, seperti Al-Razi, Ibnu Khaldun, Al-Farabi, Ibnu Sina dan Ibnu Rushd," titah baginda pada sambutan Hijratul Rasul peringkat negeri di Balai Islam.

Tema sambutan tahun ini iaitu "Keunggulan Ilmu Teras Kegemilangan Ummah".

Turut hadir DYMM Raja Perempuan Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Ampuan Mahkota Kelantan,

Tengku Amalin A'ishah Putri, Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Timbalan Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob, anggota-anggota Exco, Setiausaha Kerajaan, Dato' Mohd Aiseri Alias, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Dato' Ismail Latiff, wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan negeri serta Pusat.



KDYMM Al-Sultan Kelantan sedang bertitah sempena Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan 1427 / 2006

# Kelantan Johan Tiga Kategori

Di Majlis Menghafaz Al-Quran  
Peringkat Kebangsaan  
Kali Ke 27 Tahun 1427H/2006M

Tiga peserta dari Negeri Kelantan telah menjadi johan dalam kategori masing-masing di Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-27 Tahun 1427H/2006M telah berlangsung dari 21 April hingga 24 April 2006 yang telah diadakan di Dewan Serbaguna INTIM, Jalan Diari, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Mereka itu ialah Ahmad Zulkifli b. Mamat, johan kategori 1 hingga 15 juzuk lelaki, Nur Manirah bt. Mohd Nor, johan kategori 1 hingga 15 juzuk perempuan dan Rochmatul Kubra b. Abdul Bashari, johan kategori 1 hingga 5 juzuk lelaki.

Majlis telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Diraja (Dr) Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali pada 21 April 2006 bersamaan hari Jumaat, jam 9.00 malam di Dewan Serbaguna INTIM, Jalan Diari, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Seramai 68 orang peserta dari seluruh Malaysia telah mengambil bahagian dalam majlis pada kali ini. Pertandingan tahunan ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu hafazan dari 1 hingga 5 juzuk, 1 hingga 15 juzuk dan 1 hingga 30 juzuk. Negeri Kelantan telah menghantar seramai 5 orang peserta ke pertandingan tersebut.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 24 April 2006 Isnin 9.00 malam.



Gambar-gambar di atas adalah merupakan tiga peserta Kelantan yang sedang memperdengarkan bacaan mereka masing-masing di majlis Menghafaz Al-Quran di INTIM Ipoh, Perak

# Majlis Tilawah Al-Quran

## Peringkat Negeri Kelantan 2006

KDYMM Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang dan penerima saguhati Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 1427H/2006M pada 17 Mei 2006 jam 9.00 malam. Turut hadir dalam Majlis Penutup Penyampaian hadiah itu ialah DYMM Raja Perempuan Kelantan Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid, Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faris Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Ampuan Mahkota Kelantan Tengku Zubaidah Binti Tengku Norudin, Tengku Bendahara Kelantan Tengku Muhammad Faiz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri Binti Sultan Ismail Petra, Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat. Timbalannya Dato' Ahmad Yakob, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Aiseri Hj Alias serta beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan.

Pada tahun ini, qari dari Jajahan Tumpat En. Aziz b. Muhamad muncul johan qari Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Negeri Kelantan 1427H/2006M yang telah berlangsung di Dewan Balai Islam Lundang anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. En. Aziz memperolehi 78.99 peratus markah, beliau menerima hadiah wang berjumlah RM5000.00 serta tiket umrah.

Manakala naib johan qari disandang oleh peserta dari Jajahan Kota Bharu, En. Alwe bin Junos yang mendapat markah 76.65 peratus. Beliau menerima hadiah wang berjumlah RM3500.00.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh qari dari Jajahan Pasir Mas iaitu johan menunggu yang mendapat markah 74.66 peratus dengan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM2500.00.

Seramai 8 orang peserta telah terpilih untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri yang diadakan pada 15 hingga 17 Mei 2006 yang lalu. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri besar Kelantan YB. Dato' Ahmad Yakob pada 15 Mei 2006 jam 9.00 malam.

Pada tahun ini mutu bacaan semua qari adalah memuaskan dan lebih baik pada tahun-tahun lepas. Namun begitu masih banyak lagi ruang-ruang yang perlu diperbaiki untuk mempertingkatkan lagi mutu bacaan terutamanya dari segi kelancaran sebutan, fasih dalam bacaan, menepati hukum tajwid serta alunan suara yang baik.

Johan tilawah akan mewakili Negeri Kelantan Ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 10-15 Julai yang akan diadakan di Negeri Selangor.



Antara pemenang-pemenang Majlis Tilawah kali ini

# Festival Nasyid Negeri Kelantan 1427/2006

\* Salah satu kumpulan sedang membuat persembahan

Pada 26 Mei 2006 yang lalu Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah menganjurkan Festival Nasyid Peringkat Negeri Kelantan yang diadakan pada 26 Mei 2006 di perkarangan Dewan Jubli Perak, Padang Perdana, Kota Bharu.

Festival Nasyid itu disertai oleh 4 kumpulan bagi kategori moden dan 4 kumpulan bagi kategori tradisi. Mereka semua berentap bagi merebut gelaran johan setiap kategori yang mana johan akan dipilih mewakili negeri Kelantan Ke Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan kali Ke-17 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 11- 15 Jun 2006.

Kumpulan Nurul Huda (Kategori Nasyid Tradisi) dan Kumpulan As-Syubban (Kategori Nasyid Moden) telah dinobatkan sebagai johan dalam kategori masing-masing. Manakala lirik terbaik telah dimenangi oleh kumpulan Soutul Zahab. Bagi persembahan terbaik pula telah dimenangi oleh Kumpulan Nurul Huda.

Hadiah kepada setiap pemenang telah disampaikan oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah Negeri Kelantan, YB. Ustaz Haji Hassan Bin Mahmood dengan diiringi oleh Dato' Haji Ismail Bin Latiff Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.



YB Ust. Hj. Hassan Mahmood sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang





# Berita Bergambar Sempena Majlis Sambutan Hijratul Rasul 1427H | 2006M



KDYMM Tuanku Al-Sultan sedang bertitah



KDYMM Tuanku Al-Sultan menerima cenderahati daripada YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar menjunjung kasih



Turut hadir DYMM Raja Perempuan, Tuanku Ampuan dan Tengku Amalin A'isyah Puteri



Ust Nik Omar b. Dato' Nik Abdul Aziz sedang menerima anugerah Sekolah Menengah Agama Bantuan Terbaik



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar sedang memberi ucapan



YB Ust. Hassan Mahmood sedang memberi ucapan alu-aluan



Di antara dif-dif jemputan yang hadir

# Berita Bergambar Sempena Majlis Menghafaz Al-Quran 1427H | 2006M



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar sedang menyampaikan hadiah kepada pengerusi jemaah hakim



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar sedang menyampaikan hadiah kepada peserta



YB Ust Hassan Mahmood sedang memberi ucapan



YABhg Dato' Hj. Ismail Latiff, Pengarah JAHEAIK sedang memberi ucapan alu-aluan



Turut hadir YB Dr. Nik Mazian dan SS Dato' Mufti



Di antara dif-dif jemputan yang hadir



Jemaah Hakim sedang menghitung markah peserta



Salah seorang peserta sedang memperdengarkan bacaan

Para peserta lelaki yang sedang menunggu giliran



Para peserta perempuan sedang menunggu giliran



# Berita Bergambar Sempena Festival Nasyyid Kelantan 1427H | 2006M



Kumpulan Nurul Huda Johan bagi Kategori Tradisi

Kumpulan As-Syubban  
Johan bagi Kategori  
Moden



YB. Ust. Hassan  
Mahmood sedang  
memberi hadiah  
kepada peserta



Di antara dif-dif  
kehormat yang hadir



Salah satu kumpulan sedang  
membuat persembahan

Barisan panel hakim yang arif lagi  
bijaksana



Persembahan istimewa daripada  
kumpulan Rabbani



Salah satu kumpulan sedang bersiap sedia

Di antara dif-dif  
jemputan yang hadir



# Berita Bergambar Sempena Majlis Tilawah Al-Quran 1427H | 2006M



Memohon keberkatan Ilahi



KDYMM Tuanku Al-Sultan sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta



Keberangkatan tiba KDYMM Tuanku Al-Sultan



Keluarga D'Raja sedang mendengar ceramah agama



Para hadirin yang hadir



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar sedang menunggu keberangkatan tiba KDYMM Tuanku Al-Sultan



YBhg. Dato' Hj Kamaruddin sedang menyampaikan ceramah agama



Johan Tilawah Al-Quran sedang memperdengarkan bacaan



Para hakim yang arif dan bijaksana



Ketiga-tiga pemenang Tilawah Al-Quran 1427H/2006M

## Abul Wafa Muhammad Al-Buzjani Ulama Matematik Dan Astronomi

Disediakan Oleh :  
Ustaz Tuan Anuwa Bin Tuan Mat  
Penolong Pengarah Siasatan



Menurut catatan sejarah, umat Islam sangat dikenali sebagai umat yang gemilang dalam bidang keilmuan pada kurun yang ke-7 Masihi hingga ke-13 Masihi. Dalam tempoh tersebut terdapat ramai tokoh-tokoh ilmuan Islam muncul dan banyak memberikan sumbangan dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan.

Antara tokoh yang jarang kita dengar namanya tetapi telah banyak memberikan sumbangan yang besar dalam bidang matematik, astronomi dan geometri kepada umat manusia sama ada di Timur mahupun Barat adalah Abul Wafa Muhammad Al-Buzjani. Di kalangan para ilmuan matematik, beliau lebih dikenali dengan gelaran Al-Buzjani.

Buzjan merupakan nama satu wilayah dalam negeri Khurasan di negara Iran. Nama sebenar Al-Buzjani adalah Muhammad bin Yahya Bin Ismail Bin Abbas Abul Al-Wafa Al-Buzjani. Beliau dilahirkan pada tahun 328 Hijrah atau bersamaan dengan 940 Masihi di Iran.

Semasa di Iran, beliau mempelajari ilmu matematik dari bapa saudaranya yang bernama Abu Umar al-Maghazli dan Abu Abdullah Muhammad ibn Ataba. Kemudian beliau mempelajari Ilmu Geometri dengan Abu Yahya Al-Marudi dan Abu al-Ala Ibn Karnib .

Setelah tamat menyelesaikan pendidikan di peringkat rendah dan menengah di Iran, maka pada tahun 387 Hijrah bersamaan 959 Masihi, Abul Wafa berhijrah ke Baghdad, Iraq bagi tujuan mendalami ilmu pengetahuan di sana terutamanya dalam bidang matematik.

Berkat bimbingan sejumlah ilmuan terkemuka di Baghdad pada ketika itu, maka tak lama kemudian Abul Wafa muncul sebagai salah seorang tokoh matematik di Baghdad sehingga dapat mengembangkan beberapa teori penting di bidang matematik terutamanya geometri. Sebagai seorang yang dedikasi dan tekun dalam bidang keilmuannya beliau juga mengajarkan ilmunya di Iraq.

Abul Wafa memberikan kontribusi signifikan bagi pemecahan soal-soal geometri dengan menggunakan kompas, konstruksi ekuivalen untuk semua bidang, polyhedral umum, konstruksi hexagon setengah sisi dari segitiga sama, konstruksi parabola dari titik dan solusi geometri bagi persamaan. Kontruksi bangunan trigonometri yang diilhamkan oleh Abul Wafa sehingga sekarang masih diakui sangat besar manfaatnya.

Selain itu Abul Wafa juga merupakan orang yang pertama mengemukakan teori relatif segitiga parabola. Tidak hanya setakat itu, beliau juga berjaya mengembangkan kaedah baru tentang konstruksi segi empat serta perbaiki nilai sinus 30 dengan memakai lapan desimal. Pengembangan sinus melalui formula  $2 \sin^2(a/2) = 1 - \cos a$  dan juga  $\sin a = 2 \sin(a/2) \cos(a/2)$ .

Abul Wafa juga melakukan penyelidikan khusus mengenai teori tangen dan penghitungan tangen. Dia memperkenalkan secan dan cosecan untuk pertama kalinya, dan berjaya mengetahui relasi antara garis-garis trigonometri yang mana berguna untuk memetakannya serta pula meletakkan dasar bagi keberlanjutan teori conic.

Banyak buku dan karya ilmiah yang telah dihasilkannya, namun kebanyakannya telah rosak dan tidak dapat ditemui. Antara yang masih ada dan dijadikan rujukan para ilmuan sehingga kini adalah Kitab Ilm Al-Hisab, Kitab Al-Kamil dan Kitab Al-Handsa.

Ulama yang cukup berjasa ini telah kembali kerahmatullah di Baghdad pada tahun 338 Hijrah bersamaan 998 Masihi. Biarpun jasad beliau sudah tiada, namun ilmunya masih segar dan hidup dikalangan pencinta ilmu.

---

**Pengembangan sinus melalui  
formula  $2 \sin^2(a/2) = 1 - \cos a$  dan juga  $\sin a = 2 \sin(a/2) \cos(a/2)$ .**

---

# Kursus Pra Perkahwinan Kepada Orang-Orang Asli

Oleh : Nik Ahmad Zuhi b. Nik Yaacob  
Qadhi Jajahan Kuala Krai

Mulai tahun 2006, selain dari mewajibkan ujian saringan HIV/Aids kepada bakal pengantin, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan melalui Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga juga telah memperkenalkan Kursus Pra Perkahwinan kepada bakal pengantin masyarakat orang asli di Negeri Kelantan.



Pada 18 Februari 2006 yang lepas, satu lawatan sempena kursus pra perkahwinan kepada masyarakat orang asli telah diadakan di Pos Hendrop, Jajahan Gua Musang, yang terletak kira-kira 70 kilometer dari pekan Gua Musang. Rombongan terdiri daripada Al-Fadhil Us. Rafiai Bin Omar, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Al-Fadhil Us. Nik Ahmad Zuhi Bin Nik Yaacob, Qadhi Jajahan Kuala Krai merangkap Pemangku Qadhi Jajahan Gua Musang serta Us. Mahzami bin Muhammad, Penolong Pengarah Pembangunan Keluarga JAHEAIK.

Kursus kali ini yang disertai oleh seramai 47 remaja orang asli (22 perempuan dan 25 lelaki) telah dijayakan oleh para fasilitator yang terdiri daripada penggerak-penggerak masyarakat orang asli dan dikawal-selia oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Dalam siri lawatan ini juga seramai tiga pasangan telah menyatakan hasrat mereka untuk berkahwin setelah menerima sijil kursus masing-masing. Kemudian ketiga-ketiga pasangan ini telah diad-nikahkan oleh Al-Fadhil Us. Rafiai Bin Omar dengan maskahwin sebanyak RM20.00/-sepasang. Apa yang menarik

tentang perkahwinan masyarakat orang asli ialah juru nikah yang mengadnikahkan mereka dikehendaki mengeluarkan wang sendiri sebagai maskahwin.

Menurut Al-Fadhil Us. Rafiai, urusan pendaftaran perkahwinan masyarakat orang asli akan dipermudahkan selepas ini, bagi memastikan mereka yang telah memeluk Agama Islam melakukan upacara perkahwinan mereka menurut hukum dan peraturan Islam. Ini adalah kerana setakat ini masih terdapat masyarakat orang asli yang telah memeluk Islam tetapi mengamalkan adat mereka di dalam urusan nikah.

Selain itu pendaftaran kelahiran anak-anak masyarakat orang asli juga akan menghadapi masalah sekiranya perkahwinan mereka tidak didaftarkan secara sah di Pejabat Qadhi Jajahan.



## Forum Hijratul Rasul S.A.W 1427H Jajahan Kuala Krai

Oleh : Nik Ahmad Zuhi b. Nik Yaacob  
Qadhi Jajahan Kuala Krai

Tiga langkah utama telah diambil tindakan secara drastik oleh Baginda Rasulullah s.a.w. setelah baginda di Madinah, iaitu pertamanya membina masjid, kedua mempersaudarakan antara orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan ketiganya mengurus-tadbir Kerajaan Madinah berlandaskan hukum Allah s.w.t.

Ketiga-tiga langkah ini adalah sebahagian daripada pengisian program Hijrah Baginda yang berlaku lebih 1427 tahun yang lepas, bagi memastikan Islam terus berkembang dan tersebar, serta mendatangkan kejayaan kepada ummat Islam seluruhnya.

Demikian antara isi kandungan ucapan Al-Fadhil Qadhi Jajahan Kuala Krai ketika merasmikan Forum Hijratul Rasul bagi tahun 1427H peringkat Jajahan Kuala Krai anjuran Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dengan kerjasama Pejabat Qadhi Jajahan Kuala Krai yang diadakan di Masjid Mukim Batu Balai pada 18 Februari 2006 bersamaan 19 Muharram 1427H.

Majlis forum yang julung-julung kalinya diadakan di mukim ini, telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari penduduk setempat. Dianggarkan lebih 400 orang penduduk setempat serta penduduk sekitar mukim ini yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat hadir bagi menghayati roh hijrah yang telah dilalui oleh Rasulullah s.a.w. dan pada Sahabat Baginda.

Barisan ahli panel bagi forum tersebut ialah Us. Mohd Suhaimi bin Muhammad, Penolong Pengarah Dakwah dan Us. Abdul Rashid bin Mohd Noor, Penolong Pegawai Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Manakala pengerusi forum pula ialah Us. Mohamad bin Mat Sulaiman, Pegawai Halaqat Kuala Krai yang juga Imam Tua Mukim Pasir Era.

Menurut Us. Mohd Suhaimi, lebih ramai muda-mudi patut diterapkan dengan semangat hijrah Baginda Rasulullah s.a.w. bagi mengukuh dan menguatkan keimanan mereka di zaman yang penuh dengan godaan dan cabaran ini, dengan cara menarik mereka supaya menghadiri majlis-majlis agama seperti ceramah-ceramah dan forum-forum agama. Bagi menggarap minat muda-mudi ke arah itu, beliau mencadangkan supaya majlis sebegini diadakan di tempat-tempat yang lebih terbuka di masa-masa hadapan seperti padang sekolah atau dewan orang ramai.



Sebahagian daripada penduduk Mukim Batu Balai sedang mendengar dengan penuh khushyuk dan bersemangat kupasan dan olahan oleh ahli panel Forum Hijratul Rasul Jajahan Kuala Krai bagi tahun 1427H.

## Fesyen Tudung Masa Kini Apakah Ia Memenuhi Tuntutan Agama

Oleh : Puan Norlailawati bt. Mamat  
Penolong Pengarah (Khidmat Nasihat)

Memakai tudung atau dengan kata lain menutup aurat merupakan suatu perkara yang wajib dilakukan oleh semua wanita Islam. Ianya diperintahkan oleh syarak dengan tujuan untuk menghindarkan pelbagai fitnah yang mungkin timbul.

Menutup aurat sebagaimana yang disyorkan di dalam Islam terhadap wanita ialah dengan menutup seluruh tubuh badannya dari pandangan lelaki ajnabi kecuali muka dan tapak tangan sahaja.

Berpakaian sopan dan tidak sendat yang boleh menampakkan bentuk badan. Tidak jarang dan tidak nipis, manakala tudung pula disyaratkan labuh yang boleh menutup sehingga ke bahagian bawah dada.

Menjaga aurat dari pandangan lelaki ajnabi adalah suatu sikap yang patut dipuji kerana dengan cara ini seseorang wanita itu boleh menjaga maruah diri, keluarga dan maruah suaminya. Wanita bermaruah tidak akan mempamerkan tubuh badan di khalayak ramai malah mereka tampil di hadapan masyarakat bersesuaian dengan landasan syarak samada dari segi cara pemakaiannya atau pun tingkah lakunya.

Senario hari ini kita lihat ramai di kalangan wanita dan gadis-gadis memakai tudung tetapi kita tidak tahu sejauh manakah fahaman mereka tentang aturan bertudung dan menutup aurat yang sebetulnya.

Kita lihat ada yang memakai tudung tapi singkat yang boleh menampakkan leher, dada, dan dalam masa yang sama mereka memakai ' T-Shirt ' lengan pendek yang sendat dan singkat menampakkan pusat. Dikenakan pula dengan jeans yang juga ketat sampai menampakkan bentuk badan dengan sempurna, amat jelas cara goyang dan lenggangnya apabila berjalan.

Dari segi perlakuannya bergaul mesra dengan lelaki ajnabi, berjalan berpegangan tangan dengan mesra sekali. Membonceng motosikal dalam keadaan tangan memeluk erat lelaki yang bukan mahram.

Ada pula yang memakai tudung tetapi mengenakan kain belah bawah yang mempamerkan betis, menampakkan rambut di bahagian depan { jambul } dan sebagainya. Selain itu pelbagai warna dan fesyen tudung turut direka agar lebih menarik apabila memakainya.



- Gambar Hiasan -

## Galakan Berjabat Tangan Dan Relevannya

Oleh : Mohd Aznan b. Hamat  
Timbalan Pendakwa Syarie

Ramai manusia menyalahafsirkan kemudahan dan kebaikan yang telah diberikan oleh Islam yang meliputi segala kebaikan kepada umat manusia keseluruhannya. Antara kebaikan dan kecantikan dalam tuntutan agama Islam adalah amalan berjabat tangan atau bersalam-salaman di kalangan umat Islam.

Berjabat tangan ketika berjumpa atau bertemu adalah menjadi salah satu tuntutan Syarak dan adalah sunat hukumnya menurut Ijmak Ulama' kerana ia boleh mengeratkan hubungan persahabatan. Rasulullah s.a.w. bersabda di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud yang bermaksud: " *Dari Al-Bara' bin Azib katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Tiada daripada dua orang Islam yang berjumpa maka berjabat tangan keduanya, melainkan diampuni bagi keduanya sebelum berpisah keduanya*".

Sebenarnya berjabat tangan ini adalah menunjukkan kesempurnaan penghormatan kepada orang yang kita temui, tetapi ia hendaklah dimulakan dengan ucapan salam terlebih dahulu kemudian barulah menghulurkan tangan dan bersalaman. Sebaliknya pula jika kita bersalam terlebih dahulu sebelum memulakan dengan salam ia adalah menyalahi peraturan Syarak. Ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Iman Tirmizi yang bermaksud: " *Dari Ibnu Mas'ud daripada Nabi s.a.w. sabdanya : Dari kesempurnaan penghormatan itu ialah dengan berjabat tangan*".

Oleh itu konsep menghormati orang lain adalah sangat dititikberatkan dalam Islam sehingga apabila seseorang Islam bertemu dengan saudaranya yang lain ia digalakkan memberi salam dan bersalaman untuk menzahirkan penghormatan terhadapnya. Dan ada pula dari kalangan umat Islam yang bukan sahaja menghulurkan salam bahkan mencium tangan untuk menunjukkan bahawa orang yang dijumpai itu adalah orang yang sangat dihormati. Sebagai contohnya seorang anak mencium tangan ibu bapanya untuk menunjukkan bahawa ibu bapa adalah model ikutan dan juga yang patut dihormati. Begitu jugalah dengan kaitannya dengan hubungan di antara seorang guru dengan muridnya, seorang kakitangan sesebuah jabatan dengan pegawai atasannya dan sebagainya. Bahkan perlu diingatkan bahawa berjabat tangan sambil mencium tangan itu bukannya bertujuan untuk mengagung-agungkan orang yang dicium tangan itu bahkan ia hanya semata-mata ritual untuk menunjukkan penghargaan dan penghormatan terhadap seseorang itu.



# Dialog Imam Al-Ghazali

Oleh : Puan Arnizam bt. Abdullah  
Penolong Pengarah (Maklumat)

Pada suatu hari Imam al-Ghazali telah mengemukakan soalan kepada murid-muridnya iaitu " Apakah yang paling dekat, jauh, besar, berat, ringan dan tajam di dunia ini."

Pelbagai jawapan yang telah diberikan oleh murid-murid beliau terhadap persoalan yang telah dikemukakan itu yang mana ke semuanya adalah tidak tepat. Jawapan terhadap persoalan tersebut ialah :-

- 1 Perkara yang paling dekat dengan diri kita di dunia ini ialah "**MATI**" kerana ia merupakan janji Allah, di mana setiap yang bernyawa pasti akan menemui kematian sebagaimana yang terkandung di dalam Firman Allah dalam surah Ali-Imran : 185
- 2 Perkara yang paling jauh dengan diri kita di dunia ini ialah "**MASA LALU**" kerana setiap saat yang berlalu pasti tidak akan kembali lagi sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud , "*Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara iaitu masa muda sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, masa lapang sebelum sibuk, masa kaya sebelum miskin dan masa hidup sebelum mati.*"
- 3 Perkara yang paling besar di dunia ini ialah "**NAFSU**" kerana nafsu yang tidak terkawal akan menjerumuskan diri ke jalan kesesatan dan kehinaan sebagaimana Firman Allah di dalam surah al-A'RAF : 179 yang bermaksud "*Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka jahanam kebanyakan dari jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak memahamkan dengan hatinya, mempunyai mata tetapi tidak melihat dengan matanya dan mempunyai telinga tetapi tidak mendengarkan dengan telinganya. Orang-orang itu seperti binatang, bahkan lebih sesat itulah orang-orang yang lalai.*"
- 4 Perkara yang paling berat di dunia ini ialah "**MEMEGANG AMANAH**" kerana orang yang tidak dapat menyempurnakan amanah dengan baik tergolong di dalam orang-orang munafik dan setiap manusia akan disoal berkaitan dengan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.
- 5 Perkara yang paling ringan di dunia ini ialah "**MENINGGALKAN SOLAT**" kerana mementingkan kehidupan duniawi ini manusia seringkali mengabaikan, melengah-lengahkan kewajipan terhadap Penciptanya Yang Maha Agung.
- 6 Manakala perkara yang paling tajam di dunia ini ialah "**LIDAH MANUSIA**" kerana melalui lidah yang dikurniakan oleh Allah S.W.T ini manusia seringkali menyalahgunakan kurniaan Ilahi ini untuk menyakiti hati dan perasaan saudaranya sendiri.

**Pada suatu hari Imam al-Ghazali telah mengemukakan soalan kepada murid-muridnya iaitu "Apakah yang paling dekat, jauh, besar, berat, ringan dan tajam di dunia ini"**

# Poligami

## Sunnah Atau Nafsu

Oleh: Mohd Anwan Bin Ab. Muttalib  
Hakim Syarie Kuala Krai

Bila mata bertentang mata, hati pasti berdebar-debar. Bila hati dah bersatu, janji taat setia pasti menjadi halwa telinga: "Demi *you*, / sanggup terjun ke lautan api, gunung yang berduri sanggup / daki, hutan tebal sanggup / tempuh, demimu sayang."

Apabila dah kahwin, awal-awalnya: "Abang berjanji akan menjagamu dan anak-anak kita kelak sehingga ke hujung nyawa abang, sayangnya isteri abang yang satu, tiada yang kedua, demimu sayangku, abang akan saluti tubuhmu dengan emas permata tanda cintaku padamu."

Tapi apabila umur perkahwinan menjangkau umur sepuluh tahun: "Mak nyer...kenapa la muka hang penuh bedah sejuk?...rupa tepung gomak!, awak ni jalan sikitpun tak larat... rupa macam kura-kura dah saya nengok!, awak ingat saya ni bank bergerak ke? Semua barang kemas kat KB MALL tu awak nak saya beli!

Itu semua lumrahkan? Tapi ada satu lagi lumrah...

"Yang...kalau abang kahwin lagi, ayang bagi tak?..." ataupun..." Awak ni tak pandai jaga badan, tak macam mula-mula dulu...sakit mata saya memandang! kalau macam ni saya nak kahwin lagi satu la..." "

Jika sebut sahaja perkataan poligami, berbanding pihak isteri yang mewakili wanita, pihak suami (sudah tentu mewakili pihak lelaki) pasti akan tersenyum lebar. Masakan tidak, tidak akan dipanggil lelaki sekiranya tidak memiliki keinginan untuk berkahwin lebih daripada satu (Mungkin ada yang bersyukur dengan seorang, tetapi boleh dihitung jumlahnya). Yang membataskannya hanyalah ketumpatan kecek dan persetujuan isteri pertama! (walaupun alasan kedua tidak berapa kukuh!) kemampuan batiniah? Tidak menjadi masalah kerana produk-produk 'yang berkaitan' menimbun di pasaran!

Alasan yang sinonim dengan isu poligami pula adalah mengikut sunnah Rasulullah s.a.w, walhal kebanyakan mereka yang memberi alasan tersebut tidak berapa tahu atau tidak mahu ambil tahu alasan mengapa Rasulullah s.a.w pada ketika itu berkahwin lebih daripada satu. Mengikut sirahnya, Rasulullah s.a.w berkahwin lebih daripada satu hanya selepas

pemergian isteri kesayangan baginda, Siti Khadijah ke rahmatullah. Malah, wanita-wanita yang dinikahi baginda majoritinya adalah terdiri daripada wanita-wanita yang mana suaminya syahid di medan perang ketika berjihad. Hanya seorang sahaja isteri baginda yang masih lagi perawan ketika dinikahinya iaitu Aisyah Abu Bakar as-Siddiq.

Cuba pula dibandingkan keadaan pada masa sekarang. Lelaki yang ingin berpoligami kebiasaannya lebih cenderung memilih wanita-wanita yang masih lagi perawan untuk dijadikan isteri kedua, ketiga dan seterusnya keempat. Jarang rasanya lelaki memilih janda atau balu untuk dijadikan calon melainkan 'usaha' memikat si anak dara tidak berhasil!

Namun, berpoligami tidaklah menjadi masalah jika lelaki tersebut 'mampu' berlaku adil di dalam rumahtangganya. Apa salahnya sekiranya niat untuk berpoligami adalah atas dasar kebajikan dan rasa bertanggungjawab untuk menolong wanita yang ingin dinikahinya sebagai contoh wanita tersebut telahpun kematian suami dan hilang punca pendapatan untuk menyara anak-anaknya. Walau bagaimanapun, apa yang lebih penting, sebelum mengambil keputusan, lelaki tersebut haruslah berbincang terlebih dahulu dengan isteri dan anak-anaknya.

Namun, penting rasanya di sini penulis memetik firman-firman Allah s.w.t sebagai 'rujukan' sebelum para lelaki ini memasang niat untuk berpoligami! Wahai lelaki, sebelum anda memasang niat untuk bernikah lagi satu, hayatilah firman Allah yang bermaksud:

*"Kemudian jika kamu TAKUT tidak mampu berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja." (an-Nisaa': 3)*

Ternyata syarat ini sangatlah berat kerana dalam ayat al-Quran yang lain ada menyatakan bahawa lelaki tidak akan mampu berlaku adil kepada isteri-isterinya.

*"Dan sekali-kali kamu tidak akan dapat berlaku adil diantara isteri-isterimu, walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian." (an-Nisaa': 129)*

Bolehkan anda berlaku adil? Cuba-cubalah menilai kemampuan anda, janganlah cuba-cuba mengambil risiko jika anda tidak mahu tidur di luar!

# Selamat Menempuh Alam Persaraan

PENTADBIRAN



## HJ. ABD. RAHMAN B. MUHAMMAD

Beliau yang dilahirkan pada 08 Februari 1950 mula berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan pada 16 Oktober 1982. Beliau adalah merupakan graduan daripada Universiti Al-Azhar Mesir. Beliau telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 24 tahun sebelum bersara pada 08 Februari 2006. Antara jawatan beliau semasa berkhidmat di bawah bumbung Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan ialah :


- |                                      |             |
|--------------------------------------|-------------|
| 1- Penyelia Agama Kota Bharu         | 16 Okt 1982 |
| 2- Penyelia Agama Gua Musang         | 01 Okt 1983 |
| 3- Penyelia Agama Machang            | 01 Jun 1996 |
| 4- Qadhi Jajahan Tanah Merah         | 16 Jul 1998 |
| 5- KPP Penguatkuasaan dan Pendakwaan | 01 Feb 2001 |
| 6- KPP Dakwah                        |             |



## HJ. HASSAN B. SULONG

Beliau yang dilahirkan pada 13 Februari 1950 merupakan lulusan Universiti Sains Malaysia. Mula berkhidmat sebagai penjawat awam pada 01 Julai 1978 sebagai Pegawai Tadbir Negeri di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian negeri Kelantan. Beliau telah bersara daripada penjawat awam pada 13 Februari 2006 setelah berkhidmat selama 28 tahun. Antara jawatan beliau semasa berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri ialah :

- |  |             |
|--|-------------|
| 1- Pen. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Gua Musang | 01 Jul 1983 |
| 2- Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang               | 16 Mei 1984 |
| 3- Pen. Setiausaha Perkhidmatan                      | 01 Jun 1985 |
| 4- Setiausaha Majlis Daerah Machang                  | 01 Jan 1988 |
| 5- Pen. Pengarah Yayasan Islam Kelantan              | 01 Jan 1989 |
| 6- Pen. Kanan Ketua Jajahan Bachok                   | 16 Mei 1991 |
| 7- Pen. Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) JKR      | 01 Jan 1997 |
| 8- Pen Kanan Ketua Jajahan Kuala Krai                | 01 Jul 2000 |
| 9- KPP (Pengurusan) JAHEAIK                          | 03 Mac 2002 |



## HJ. ZULKIPLI B. NOR

Beliau yang dilahirkan pada 04 Januari 1950 mula berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan pada 16 September 1976. Beliau adalah merupakan graduan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 30 tahun sebelum bersara pada 04 Januari 2006. Antara jawatan beliau semasa berkhidmat di bawah bumbung Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan ialah :

- |                                      |             |
|--------------------------------------|-------------|
| 1- Penyelia Agama Kota Bharu         | 16 Sep 1976 |
| 2- Qadhi Jajahan Tumpat              | 01 Ogo 1989 |
| 3- Qadhi Kota Bharu                  | 01 Jun 1995 |
| 4- Qadhi Jajahan Gua Musang          | 16 Jul 1998 |
| 5- Qadhi Jajahan Bachok              | 01 Feb 1999 |
| 6- KPP (Penyelidikan dan Penerbitan) | 01 Apr 2003 |



## HJ. ABDULLAH BIN MAMAT

Beliau yang dilahirkan pada 23 Januari 1950 merupakan lulusan Universiti Baghdad Iraq. Mula berkhidmat sebagai penjawat awam pada 01 Julai 1981 sebagai Pegawai Tadbir Ugama Islam negeri Kelantan. Beliau telah bersara daripada penjawat awam pada 23 Januari 2006 setelah berkhidmat selama 25 tahun. Antara jawatan beliau semasa berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Ugama Islam ialah :

- |                               |             |
|-------------------------------|-------------|
| 1- Penyelia Ugama Pasir Mas   | 01 Feb 1983 |
| 2- Qadhi Jajahan Bachok       | 16 Ogo 1985 |
| 3- Qadhi Jajahan Gua Musang   | 16 Mei 1988 |
| 4- Penyelia Ugama Kota Bharu  | 01 Nov 1989 |
| 5- Penyelia Ugama Pasir Puteh | 01 Jun 1996 |
| 6- Qadhi Jajahan Pasir Mas    | 01 Apr 2003 |



**Mohd Ibrisam b. Jalaludin**  
(Ketua unit Penguatkuasaan)  
\* Qadhi Jajahan Gua Musang




**Wan Nazri b. Wan Md. Nor**  
(Qadhi Jajahan Machang)  
\* Penguatkuasa Jajahan Jeli



**Anuar bin Haji Hashim**  
(Qadhi Jajahan Gua Musang)  
\* Penguatkuasa Jajahan Machang



**Tuan Anuwa b. Tuan Mat**  
(Pen. Pengarah Penyiasatan)  
\* Pen. Pengarah Pemb. Keluarga



**Suratemi b. Mat Yusof**  
(Qadhi Jajahan Tumpat)  
\* Timbalan Pendakwa Syarie



**Khairuddin b. Mohamed**  
(Qadhi Jajahan Pasir Puteh)  
\* Penguatkuasa Kota Bharu



**Mohd Fadzuli b. Mohd Zain**  
(Pen. Pengarah Kemajuan Agama)  
\* Penguatkuasa Jajahan Tanah Merah



**Mohd Anwan b. Abd. Muttalib**  
(Hakim Syarie Kuala Krai)  
\* Timbalan Pendakwa Syarie

\* Jawatan Sebelum

## Pelantikan Pegawai Baru



**Mahzami b. Muhammad**  
Penolong Pengarah  
(Pembangunan Keluarga)




**Muhammad Hilmi b. Zakaria**  
Penolong Pengarah  
(Penguatkuasa Jajahan Jeli)



**Mohd Aznan b. Hamat**  
Timbalan Pendakwa Syarie



**Wan Rafhan Syah b. Wan Abd. Rashid**  
Penolong Pengarah  
(Penguatkuasa Jajahan Tanah Merah)



**Mohd Norhasdi b. Hashim**  
Penolong Pengarah  
(Penguatkuasa Jajahan Machang)



**Nik Mohamad Zawawi b. Ibrahim**  
Penolong Pengarah  
(Penerbitan)



**Rosmadi b. Ramli**  
Penolong Pengarah  
(Penguatkuasa Kota Bharu)



**Mohd Khairol Azdmi B. Mohd Razali**  
Penolong Pengarah  
(Penguatkuasa Jajahan Tumpat)